

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Takwim ditakrifkan sebagai daftar hari bulan, almanak, kalendar atau penanggalan¹. Takwim menjadi keperluan penting yang diperlukan manusia dalam memudahkan urusan seharian dan ia menjadi ‘tanda waktu’ untuk aktiviti keagamaan, pertanian, sosial dan budaya. Dalam al-Quran terdapat ayat yang menjelaskan secara umum kegunaan pergerakan bulan dan matahari sebagai pengukuran waktu bagi manusia, sebagaimana firman Allah SWT:

هُوَ الَّذِي جَعَلَ الشَّمْسَ ضِيَاءً وَالْقَمَرَ نُورًا وَقَدَرَهُ مَنَازِلَ لِتَعْلَمُوا
عَدَدَ السِّنِينَ وَالْحِسَابَ ۗ مَا خَلَقَ اللَّهُ ذَلِكَ إِلَّا بِالْحَقِّ يُفَصِّلُ
الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٥﴾

“Dia lah yang menjadikan matahari bersinar-sinar (terang-benderang) dan bulan bercahaya, dan Dia lah yang menentukan perjalanan tiap-tiap satu itu (berpindah-randah) pada tempat-tempat peredarannya masing-masing) supaya kamu dapat mengetahui bilangan tahun dan kiraan masa. Allah tidak menjadikan semuanya itu melainkan dengan adanya faedah dan gunanya yang sebenar. Allah menjelaskan ayat-ayatNya (tanda-tanda kebesaranNya) satu persatu bagi kaum yang mahu mengetahui (hikmat sesuatu yang dijadikanNya)”.

Surah Yūnus (10): 5

Islam mempunyai kiraan takwimnya sendiri iaitu berdasarkan pergerakan dan kedudukan bulan. Takwim Islam telah diperkenalkan oleh khalifah ‘Umar al-

¹ Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1579

Khatab berpandukan peristiwa hijrah Rasulullah SAW sebagai tahun bermulanya pengiraan takwim Islam². Idea ini timbul setelah tercetus rasa kebimbangan di hati baginda dan para sahabat mengenai masa depan tamadun Islam berikutan ketiadaan pengenalan tahun tertentu dalam empayar Islam yang berkembang luas boleh merumitkan urusan pentadbiran dan kerajaan.

Takwim Islam secara sistematik ini mula digunakan ketika pemerintahan Saidina ‘Umar, manakala semasa hayat Rasulullah SAW, baginda sendiri tidak pernah menggunakan takwim tersebut dalam berurusan³. Terdapat beberapa kaedah yang digunapakai dalam penyusunan takwim ini. Justeru itu, wujud perbezaan tarikh yang dicatatkan oleh ulama terdahulu dalam mencatatkan sesuatu peristiwa.

Catatan tarikh peristiwa-peristiwa penting dalam sirah Nabi Muhammad SAW didapati berbeza dalam kebanyakan buku sirah. Kini, timbul konflik apabila tarikh-tarikh penting hari kebesaran Islam diingati atau disambut berbeza di tempat-tempat tertentu di negara Islam.

Oleh kerana terdapat percanggahan pendapat antara ulama dalam mencatatkan tarikh peristiwa dalam sirah Nabi Muhammad SAW, maka kajian ini dilakukan bagi meminimumkan percanggahan pendapat antara ulama berdasarkan pendapat yang paling *rājiḥ* dan menggunakan perisian falak terkini yang disesuaikan dengan takwim *Hijrī*. Usaha ini bertujuan supaya ketepatan tarikh-tarikh penting dalam sejarah Islam dapat dicatatkan dengan lebih tepat dan diterimapakai oleh semua.

² Abī Ja‘far Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī (1961), *Tārīkh al-Rusul wa al-Mulūk*. Muḥammad Abū al-Faḍl Ibrāhīm (ed.), j.2. Mesir: Dār al-Ma‘ārif, h. 389.

³ Md. Khair Md. Taib (1987), *Takwim Hijriah Khairiah*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 22

1.2 Permasalahan Kajian

- i. Amalan *al-Nasi'* yang menyebabkan wujudnya perbezaan pendapat di kalangan ulama berhubung tarikh-tarikh dalam sirah Nabi Muhammad SAW, antaranya ialah hari kelahiran Muhammad SAW, perkahwinan Muhammad SAW dengan Khadijah, Muhammad SAW diutus menjadi Nabi, peristiwa Israk dan Mikraj, hijrah Rasulullah SAW ke Madinah, solat Jumaat pertama Rasulullah SAW di Madinah, perkahwinan Rasulullah SAW dengan 'Āi'shah, hari kematian Ibrahim ketika gerhana matahari, hari wukuf ketika haji *wadā'* dan kewafatan Rasulullah SAW. Oleh kerana itu semakan perlu dilakukan untuk mengesahkan tarikh sebenar.
- ii. Dalil-dalil daripada al-Quran dan hadis berkaitan takwim perlu dianalisis bagi mendapatkan ketepatan tarikh.
- iii. Keseragaman tarikh perlu dilakukan bagi memastikan fakta sesuatu sejarah itu terpelihara, dengan adanya kemajuan teknologi sekarang terdapat kiraan dan rumus yang sesuai digunakan bagi memastikan keseragaman maklumat.

1.3 Objektif Kajian

- i. Mengkaji perbezaan pendapat ulama terdahulu dalam penentuan peristiwa penting dalam sejarah Islam

- ii. Menganalisis nas-nas daripada al-Quran dan hadis berkaitan pengiraan hari, bulan dan tahun yang dijadikan panduan asas pengiraan tarikh sirah Nabi Muhammad SAW dalam takwim Qamariyah.
- iii. Menjelaskan tarikh peristiwa penting dalam sirah Nabi Muhammad SAW berdasarkan pendapat ulama yang paling *rājiḥ*
- iv. Menilai ketepatan tarikh-tarikh penting dalam sirah Nabi Muhammad SAW melalui perisian falak terkini.

1.4 Hipotesis Kajian

Hipotesis ialah jangkaan awal yang dapat dibuat. Pengkaji mengandaikan bahawa:

- i. Kebanyakan tarikh peristiwa penting dalam sirah Nabi SAW yang tercatat dalam buku penulisan sejarah bercanggah dengan kiraan moden kini
- ii. Berlaku selisihan tarikh sebanyak sehari atau dua hari semasa peristiwa penting Islam dicatatkan oleh sahabat, ini berikutan semasa hayat baginda SAW penentuan awal bulan hanya bergantung kepada cerapan melalui mata kasar dan lokasi cerapan.
- iii. Penentuan tarikh tidak dapat ditentukan dengan tepat berikutan wujud pelbagai kriteria penentuan awal anak bulan dalam penyusunan takwim Islam.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini merupakan satu usaha dalam menggalakkan penggunaan takwim *Hijrī* berbanding takwim masihi dengan menyelaraskan penetapan tarikh sambutan peristiwa penting sejarah Islam

Di samping itu, kajian ini dapat memberi manfaat dan rujukan kepada institusi tertentu seperti JAKIM dan jabatan-jabatan mufti negeri ke arah mewujudkan keseragaman penetapan tarikh peristiwa-peristiwa penting dalam sejarah Islam

Dengan perkembangan teknologi dalam kiraan falak memudahkan ahli falak menyemak dan menganalisis tarikh-tarikh penting sejarah Islam serta membantu dalam membentuk satu kriteria yang lebih praktikal melangkaui sejarah dan masa depan. Justeru, hasil penyelidikan ini dapat membantu dalam penambahbaikan kriteria kenampakan awal anak bulan yang sedia ada.

1.6 Skop Kajian

Pengkaji mengkaji sorotan peristiwa penting dalam Islam bagi memastikan sejauhmana ketepatan tarikh peristiwa penting dalam Islam berdasarkan takwim *Hijrī*. Peristiwa tersebut ialah hari kelahiran Muhammad SAW, perkahwinan Muhammad SAW dengan Khadijah, Muhammad SAW diutus menjadi Nabi, peristiwa Israk dan Mikraj, hijrah Rasulullah SAW ke Madinah, solat Jumaat pertama Rasulullah SAW di Madinah, perkahwinan Rasulullah SAW dengan ‘Āi’shah, hari kematian Ibrahim ketika gerhana matahari, hari wukuf ketika haji

wadā' dan kewafatan Rasulullah SAW. Seterusnya maklumat yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian *Moon Calculator 6.0* dan disesuaikan dengan kriteria Yallop.

1.7 Sorotan Literatur

Dalam kajian tarikh peristiwa-peristiwa penting dalam sirah Nabi Muhammad SAW, pengkaji telah merujuk beberapa kitab sirah yang berautoriti sebagai rujukan utama. Rujukan utama ialah kitab *al-Sīrah al-Nabawīyyah*⁴ karya Ibn Hishām. Ini kerana kitab ini adalah pelengkap kepada karya Ibn Ishāq iaitu *al-Sīrah*⁵ yang merupakan hasil karya yang begitu agung dalam ilmu penulisan sirah. Kemudian kitab *Tārīkh al-Rusul wa al-Mulūk*⁶ karya al-Ṭabarī serta kitab *al-Fusūl fī Sīrah al-Rasūl SAW*⁷ dan *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*⁸ karya Ibn Kathīr. Manakala dalam penulisan buku sirah terkini pengkaji merujuk buku *al-Raḥīq al-Makhtūm*⁹ karya Safiur Rahman Mubarakfuri.

Ibn Hishām dan al-Ṭabarī mengemukakan beberapa pendapat dan riwayat ulama terdahulu selain pendapat mereka yang diselitkan dalam peristiwa tertentu. Manakala Ibn Kathīr pula mengemukakan perbezaan pendapat ulama dalam peristiwa tertentu, menyatakan pendapat yang paling masyhur serta menyatakan pandangan beliau sendiri dalam beberapa peristiwa.

⁴ Abū Muḥammad ‘Abd al-Malik bin Hishām (1955), *al-Sīrah al-Nabawīyyah*. Muṣṭafā al-Saqā *et al.* (eds.), j.1 & 2, c. 2. Mesir: Syarikah Maktabah wa Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa awladihi.

⁵ *Ibid.*, h. 3.

⁶ Al-Ṭabarī (1961), *op.cit.*

⁷ Abī al-Fida’ Ismā‘il bin Kathīr (1985), *al-Fusūl fī Sīrah al-Rasul SAW*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Alamiyyah.

⁸ Abū al-Fidā’ al-Hāfiz Ibn Kathīr (1997), *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*. Ahmad Abd al-Wahhāb Fatih (ed.),c.4. Kaherah: Dār al-Hadīth

⁹ Ṣafī al-Raḥmān al-Mubārakfūrī (2004), *al-Raḥīq al-Makhtūm*, c.6. Riyadh: Dār al-Salam

Terdapat beberapa perbezaan tarikh dikemukakan dalam buku sejarah berkaitan sirah Nabi Muhammad SAW. Antaranya ialah peristiwa kelahiran Nabi SAW, Ibn Ishāq menyatakan baginda dilahirkan pada malam Isnin, 12 Rabiulawal tahun Gajah. Pendapat ini dikuatkan dengan peristiwa tentera bergajah yang datang ke Mekah pada bulan Muharam dan Nabi dilahirkan 50 hari selepas peristiwa tersebut iaitu pada bulan Rabiulawal¹⁰. Terdapat juga pendapat yang mengatakan baginda dilahirkan pada hari Isnin bulan Rabiulawal, sama ada 8, 10 atau 12 haribulan. Manakala Nabi dilahirkan pada tahun Gajah pula, ada berpendapat sama ada 50 hari, 58 hari, 10 tahun, 30 tahun atau 40 tahun selepas kedatangan tentera bergajah ke Mekah¹¹. Terdapat juga pendapat lain menyatakan pada Subuh 9 Rabiulawal bersamaan 22 April 571M¹².

Merujuk kepada peristiwa perkahwinan Rasulullah SAW bersama Khadijah, menurut Ibn Hishām, baginda berumur 25 tahun ketika itu. Terdapat juga pendapat menyatakan umur baginda ketika perkahwinan itu ialah 21 tahun. Manakala Khadijah pula berumur 40 tahun, pendapat lain menyatakan Khadijah berumur 45 tahun¹³.

Bagi peristiwa kenabian Muhammad SAW, kebanyakan berpendapat baginda berumur 40 tahun ketika itu, pendapat lain menyatakan umur baginda 43 tahun¹⁴. Ada berpendapat peristiwa tersebut berlaku pada hari Isnin. Pendapat lain

¹⁰ Ibn Hishām (1955), *op.cit.*, h. 158.

¹¹ Ibn Kathīr (1985), *op.cit.*, h. 9.

¹² Abdul Hameed Siddiqui (1999), *Life of Muhammad (Peace and Blessing of Allah Be Upon Him)*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust, h. 41.

¹³ Ibn Hishām (1955), *op.cit.*, h. 187.

¹⁴ Al-Ṭabarī (1961), *op.cit.*, h. 290.

menyatakan pada malam Ramadan¹⁵, catatan lain menyatakan pada malam 25, 27, atau 29 Ramadan bersamaan 15, 17 atau 19 Januari 611M.¹⁶

Tarikh peristiwa Israk dan Mikraj pula, berdasarkan pemerhatian pengkaji tarikh peristiwa ini tidak dinyatakan secara jelas dalam buku sirah. Tetapi dalam karya al-Mubarakfuri¹⁷ ada mengemukakan beberapa percanggahan pendapat berhubung tarikh ini iaitu penulis menyatakan pendapat al-Ṭabarī bahawa Israk berlaku pada tahun baginda dimuliakan oleh Allah dengan diangkat sebagai nabi, di samping itu penulis mengemukakan pendapat imam al-Nawāwī dan al-Qurṭubī bahawa peristiwa ini berlaku lima tahun setelah baginda diangkat menjadi nabi. Dalam catatan lain menyatakan pada 27 Rejab¹⁸.

Hijrah Rasulullah SAW ke Madinah berlaku pada hari Isnin, 12 Rabiulawal¹⁹, pendapat lain menyatakan 8 Rabiulawal²⁰. Ibn Kathīr pula mengemukakan pendapat pada hari Isnin 12 Rabiulawal tahun ke-13 kenabian²¹.

Kemudian Rasulullah SAW sembahyang Jumaat kali pertama bersama bani Salim, selepas empat hari di Qubā' iaitu pada 16 Rabiulawal hari Jumaat²². Ibn Kathīr menyatakan Rasulullah tinggal di Qubā' beberapa hari dan penulis mengemukakan pendapat yang menyatakan baginda SAW tinggal di Qubā' selama

¹⁵ Ibn Hishām (1955), *op.cit.*, h. 236.

¹⁶ Husseiny bin Zamburi (2009), *Lahirnya Cahaya Kebenaran Sejarah Hidup Nabi Muhammad S.A.W.* Kuala Lumpur: al-Hidayah Publication, h. 166.

¹⁷ Safī al-Rahmān al-Mubārakfūrī (2004), *op.cit.*, h.163

¹⁸ Ibn Kathīr (1997), *op.cit.*, h. 155

¹⁹ Ibn Hishām (1955), *op.cit.*, h. 494.

²⁰ *Ibid.*, h. 492.

²¹ Ibn Kathīr (1985), *op.cit.*, h. 25

²² Ibn Hishām (1955), *op.cit.*, h. 494.

14 hari dan baginda solat Jumaat bersama bani Salim bin Awf²³. Solat Jumaat ini dikatakan solat Jumaat pertama Rasulullah SAW di Madinah.

Bagi peristiwa perkahwinan Rasulullah SAW dengan ‘Āi’shah pula, ada yang menyatakan nabi menggauli ‘Āi’shah selepas lapan bulan baginda datang ke Madinah iaitu pada bulan Zulkaedah. Ada juga pendapat menyatakan selepas tujuh bulan Nabi SAW datang ke Madinah iaitu pada bulan Syawal, mereka berkahwin di Mekah sebelum hijrah dan tiga tahun selepas kewafatan Khadijah, dikatakan ‘Āi’shah berumur enam atau tujuh tahun ketika itu²⁴. Ibn Kathīr pula menyatakan baginda SAW hanya menggauli ‘Āi’shah pada bulan Syawal tahun kedua Hijrah²⁵.

Hasil perkongsian hidup Rasulullah SAW dengan Mariyah al-Qibṭīyah, lahirlah Ibrahim. Ibrahim dilahirkan di Madinah pada tahun 8H dan meninggal dunia ketika berumur satu tahun sepuluh bulan, ini berdasarkan hadis Nabi SAW yang bermaksud: Sesungguhnya penyusuannya disempurnakan di syurga²⁶. Terdapat juga pendapat menyatakan Ibrahim dilahirkan pada bulan Zulhijjah tahun 8H²⁷ dan wafat pada usia enam belas bulan (1 tahun 4 bulan)²⁸. Kemudian pada hari kematian Ibrahim, telah berlaku gerhana matahari sepertimana yang diriwayatkan oleh al-Mughīrah ibn Shu‘bah r.a²⁹. Terdapat percanggahan ulama berhubung tarikh kematian Ibrahim³⁰, majoriti ulama menyatakan pada kurun ke-10 Hijrah namun berbeza bulan, sama ada Rabiulawal, Ramadan, atau Zulhijjah. Catatan lain

²³ Ibn Kathīr (1985), *op.cit.*, h. 25

²⁴ Al-Ṭabarī (1961), *op.cit.*, h. 398.

²⁵ Ibn Kathir (1985), *op.cit.*, h. 117.

²⁶ *Ibid.*, h. 116.

²⁷ Abdullah Hajjaj (2007), *Maria al-Qibthiyah: The Forgotten Love of Muhammad SAW*. Risyan Nurhakim (terj.). Bandung: Mizania, h. 74.

²⁸ *Ibid.*, h. 81.

²⁹ Ibn Ḥajar Al-‘Asqalānī (2000), *Fatḥ al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, j. 2. Riyadh: Dār al-Salam, h. 705.

³⁰ Abdullah Hajjaj (2007), *op.cit.*, h.86-87

menyatakan Ibrahim meninggal dunia ketika masih kecil di Madinah semasa hayat Rasulullah SAW iaitu pada 28 atau 29 Syawal tahun 10 Hijrah bersamaan 27 Januari tahun 632 Masihi³¹

Peristiwa Nabi SAW wukuf di Arafah ketika haji *wadā'* pula, majoriti ulama sepakat menegaskan ia berlaku pada hari Jumaat 9 Zulhijjah³² tahun 10 Hijrah³³. Cuma berbeza tarikh dalam catatan kalendar Masihi.

Pengkaji juga merujuk peristiwa kewafatan nabi Muhammad SAW dicatatkan berlaku pada waktu duha hari Isnin 12 Rabiulawal, ketika berusia 63 tahun³⁴. Menurut riwayat dari Ibn 'Abbās: Rasulullah SAW tinggal di Mekah 13 tahun dan wafat ketika baginda berusia 63 tahun³⁵.

Kini, terdapat beberapa kajian berkaitan catatan tarikh dalam sirah Nabi Muhammad SAW. Menurut Fazlur Rehman (2002), berlakunya percanggahan pendapat berhubung tarikh-tarikh dalam sirah Nabi Muhammad SAW disebabkan amalan *intercalation*³⁶ (*al-Nasi'*) oleh masyarakat Arab dahulu³⁷. Justeru penulis telah melakukan kajian menggunakan pendekatan saintifik secara kebarangkalian matematik. Antara hasil dapatan penulis yang menarik perhatian pengkaji ialah peristiwa kematian Ibrahim³⁸, penulis menolak pandangan yang menyatakan berlaku gerhana matahari ketika Ibrahim meninggal pada hari Selasa, 10 Rabiulawal tahun

³¹ Şafī al-Rahman al-Mubārakfūrī (2004), *op.cit.*, h. 571

³² Ibn Kathīr (1985), *op.cit.*, h. 98

³³ Ibn Kathīr (1980), *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, c.3. Beirut: Maktabah al-Ma'ārif, h. 110-112

³⁴ Ibn Kathīr (1985), *op.cit.*, h. 99-100.

³⁵ *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, "Bab Hijrah al-Nabi SAW wa Aṣḥābihi ila al-Madinah".

³⁶ Penambahan atau pengurangan dalam hari atau bulan tertentu

³⁷ Fazlur Rehman Shaikh (2002), *Chronology of The Prophetic Events*. New Delhi: Adam Publishers and Distributors, h. 4-5.

³⁸ *Ibid.*, h. 73.

10 Hijrah. Pendapat ini ditolak kerana menurut penulis tiada gerhana matahari boleh berlaku melainkan pada bulan baru (ijtimak).

Kassim Bahali (1999)³⁹ dalam kajian beliau berpendapat bahawa hijrah Nabi SAW ke Madinah berlaku pada 9 Rabiulawal bersamaan Isnin, 20 September 622M. Kemudian, dikatakan baginda berhenti mengerjakan solat Jumaat di kampung Bani ‘Amr bin ‘Awf. Inilah solat Jumaat yang pertama di dalam Islam. Hari Jumaat ini jatuh pada 13 Rabiulawal bersamaan dengan 24 September 622 M. Bagi peristiwa wukuf haji *wadā‘*, dapatan komputer yang diperoleh penulis menunjukkan 9 Zulhijjah 10H adalah bersamaan 6 Mac 632M hari Jumaat. Seterusnya, hasil dapatan penulis mendapati gerhana matahari ketika kewafatan Ibrahim berlaku pada 27 Januari 632M bersamaan 29 Syawal 10H.

Dalam kajian Firdaus bin Yahya (2007)⁴⁰, beliau memilih kemungkinan yang tepat bagi kenampakan anak bulan Ramadan dan Syawal dengan memperkecilkan bilangan 29 dan 30 hari Ramadan menggunakan hadis dan pendapat ulama yang berautoriti⁴¹. Penulis melakukan kajian bermula dari tahun kedua Hijrah hingga tahun kesepuluh Hijrah. Pengiraan yang dibuat adalah berdasarkan koordinat Madinah, dan hitungan dilakukan menggunakan perisian *Accurate Time 5.1.11* oleh Mohammad ‘Odeh. Kriteria utama yang digunakan untuk menentukan keboleh nampakan hilal ialah kriteria ‘Odeh. Walau bagaimanapun, kriteria tambahan diberikan jika perlu. Hasil kajian penulis mendapati bermula dari tahun kedua Hijrah

³⁹ Kassim Bahali (1999), “Menyemak Tarikh-Tarikh Penting Sirah Rasulullah S.A.W: Analisa Komputer” (Kertas Kerja Muzakarah Falak Syarie).

⁴⁰ Firdaus bin Yahya (2007), “An Analytical Study of Beginning and End of Ramadan During Prophet Muhammad’s Time”, dalam Nidhal Guessoum & Mohammad Odeh (eds.), *Applications of Astronomical Calculations to Islamic Issues*. (Prosiding Persidangan Pertama Astronomi Emiriah diadakan di Pusat Dokumentasi dan Penyelidikan Abu-Dhabi, Emiriah Arab Bersatu, 13-14 Disember 2006 M).

⁴¹ *Ibid.*, h. 43.

hingga tahun kesepuluh Hijrah, hanya tahun keenam dan tahun kesepuluh Hijrah yang mengandungi 30 hari manakala tahun-tahun yang selebihnya mengandungi 29 hari.

Ketidakteraturan tarikh dalam kalendar-kalendar Islam terjadi berikutan terdapat beberapa kaedah dan kriteria yang digunakan dalam penentuan awal bulan Hijrah. Oleh itu, pengkaji merujuk karya Yūsuf Qaradāwī bagi mengetahui kaedah sebenarnya yang dianjurkan oleh Islam. Qaradāwī berpendapat melihat anak bulan Ramadan untuk menentukan bulan adalah wasilah (cara) yang boleh berubah untuk matlamat yang tetap⁴² (suruhan berpuasa), beliau menyatakan penentuan awal bulan serta tamatnya adalah menggunakan cara yang termampu dilakukan oleh semua orang dan tidak mendatangkan kesukaran dalam urusan agama. Justeru itu, rukyah menggunakan pandangan mata adalah cara yang mudah pada zaman Rasulullah SAW kerana umat ketika itu adalah *ummi*⁴³. Namun, beliau berpendapat sekiranya terdapat cara lain yang jauh lebih baik dan mudah kita mesti menerimanya dengan fikiran yang terbuka. Lantaran itu, beliau berpendapat penggunaan hisab falak yang diyakini tepat untuk menentukan bulan-bulan pada masa kini adalah wajib diterima⁴⁴.

Menurut Mohammad Ilyas (1999)⁴⁵ faktor-faktor perbezaan tarikh dalam Islam disebabkan oleh masalah dalam amalan kalendar Islam seperti laporan kenampakan anak bulan yang berbeza-beza pada setiap tempat. Ini kerana terdapat tiga kaedah yang diguna pakai oleh masyarakat Islam dalam negara yang berbeza bagi menentukan tarikh Islam iaitu sama ada melihat anak bulan secara fizikal (rukyah),

⁴² Yūsuf al-Qaradāwī (1994), *Fatawa Mu'asarah*, j.2, c.3. Mansoura: Dār al-Wifa', h. 214-215

⁴³ *Ummi* adalah perkataan Arab yang bermaksud buta huruf

⁴⁴ Yūsuf al-Qaradāwī (1994), *op.cit.*, h. 215-216

⁴⁵ Mohammad Ilyas (1999), *Sistem Kalendar Islam dari Perspektif Astronomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

berasaskan fizikal-astronomi (rukyah dan hisab), atau berasaskan astronomi (hisab)⁴⁶. Di samping itu, penggunaan asas pengiraan yang berbeza mempengaruhi penentuan tarikh, seperti menggunakan tarikh tempatan anak bulan astronomi atau ijtimak iaitu apabila berlaku ijtimak maka esoknya 1 haribulan. Asas pengiraan yang lain pula ialah apabila bulan terbenam selepas matahari terbenam maka esoknya dikira 1 haribulan. Kaedah ini menggunakan hisab sahaja tanpa mengambil kira kesan optik, atmosfera, dan kesan lain terhadap kenampakan anak bulan⁴⁷. Penulis juga mengemukakan beberapa masalah yang akan timbul sekiranya kriteria astronomi yang salah digunakan dalam penentuan bulan baru Islam. Penulis berpendapat keseragaman penentuan tarikh dalam negara-negara Islam perlu diperhalusi dan disepakati bersama bagi mengelakkan timbulnya masalah. Justeru itu, Ilyas telah mengutarakan cadangan pengantarabangsaan kalendar lunar (bulan) menggunakan kaedah Garisan Tarikh Bulan Antarabangsa berdasarkan konsep 'kenampakan pertama'⁴⁸.

Pengkaji juga merujuk koleksi kertas kerja persidangan yang telah dikumpulkan oleh Guessoum dan 'Odeh⁴⁹ yang bertajuk *Applications of Astronomical Calculations to Islamic Issues*. Buku ini mengemukakan usaha-usaha yang telah dilakukan oleh ahli falak Islam dalam menyatukan kalendar Islam. Pelbagai kriteria dan kaedah baru bagi menentukan bulan baru *Hijrī* yang lebih

⁴⁶ *Ibid.*, h. 56.

⁴⁷ *Ibid.*, h. 63

⁴⁸ Mohammad Ilyas (2001), *Global Time System: The Natural Approach*. Kuala Lumpur: IIUM Press, h. 37.

⁴⁹ Nidhal Guessoum & Mohammad Odeh (eds.), *Applications of Astronomical Calculations to Islamic Issues*. (Prosiding Persidangan Pertama Astronomi Emiriah diadakan di Pusat Dokumentasi dan Penyelidikan Abu-Dhabi, Emiriah Arab Bersatu, 13-14 Disember 2006 M).

praktikal telah dicadangkan. Antaranya ialah kriteria ‘Odeh⁵⁰ dan kriteria Gousseoum⁵¹. Bagi menyeragamkan maklumat dan waktu di seluruh dunia, maka dunia dibahagikan kepada beberapa bahagian bagi memudahkan kiraan. Selain itu, buku ini turut membincangkan permasalahan yang terdapat dalam kalendar Arab Saudi iaitu kalendar *Umm al-Qura*, antaranya kerajaan Arab Saudi menerima penyaksian daripada orang ramai yang melihat anak bulan dan kemudian mengisytiharkannya kepada umum, walaupun penyaksian tersebut daripada orang yang kurang berpengalaman. Justeru itu, timbul konflik di seluruh dunia sekiranya ia melibatkan urusan ibadat seperti puasa Ramadan, hari raya dan hari wukuf. Di samping itu, parameter-parameter bagi kenampakan hilal dalam menentukan bulan baru *Hijri* turut diselitkan dalam buku ini.

Kalendar telah diasaskan berdasarkan fenomena astronomi, seperti pergerakan bumi, peredaran bulan dan matahari di angkasa raya. Oleh itu, bagi mengetahui tentang pergerakan objek-objek samawi ini dengan lebih terperinci, pengkaji telah merujuk buku-buku astronomi yang berkaitan. Antaranya ialah buku *Explorations: An Introduction to Astronomy* yang ditulis oleh Thomas T. Arny⁵². Dalam buku ini, penulis menerangkan sejarah serta sistem yang terdapat dalam kalendar matahari yang digunakan sehingga kini dengan ringkas, menurut penulis kalendar Gregory yang digunakan kini adalah berasal dari Rom⁵³ dan terdapat sedikit perubahan yang telah dilakukan dalam penyusunan kalendar bagi tujuan politik ketika itu, penulis

⁵⁰ Mohammad Sh. Odeh (2007), “New Criterion for Lunar Crescent Visibility”, dalam Nidhal Guessoum & Mohammad Odeh (eds.), *Applications of Astronomical Calculations to Islamic Issues*, h. 22.

⁵¹ Nidhal Guessoum (2007), “Progress in Solving the Problem of the Crescent-based Islamic Calendar”, dalam Nidhal Guessoum & Mohammad Odeh (eds.), *Applications of Astronomical Calculations to Islamic Issues*, h. 84.

⁵² Thomas T. Arny (2002), *Explorations: An Introduction to Astronomy*, c. 3. United States: McGraw-Hill Higher Education.

⁵³ *Ibid.*, h. 183.

juga membincangkan tentang pergerakan planet-planet, bintang-bintang dan objek-objek lain yang terdapat di langit.

Selain itu, bagi mengetahui pergerakan bulan dengan terperinci, pengkaji merujuk buku Michael Zeilik (2002)⁵⁴ dan Peter T. Wlasuk (2000)⁵⁵. Pengkaji mendapati peredaran bulan mengelilingi matahari menghasilkan fenomena fasa bulan. Satu kitaran lengkap fasa bulan, dari satu bulan penuh ke bulan penuh berikutnya mengambil masa 29.5 hari⁵⁶. Di samping itu, sebenarnya bulan menunjukkan kita permukaan yang sama kerana ia berputar pada paksinya 27.3 hari, sama tempohnya berputar mengelilingi bumi relatif kepada bintang⁵⁷. Seterusnya, Peter dalam bukunya menerangkan ciri-ciri bulan dengan terperinci, beliau juga membicarakan teknik pencerapan bulan menggunakan teleskop yang sesuai, di samping memberikan teknik-teknik pengimejan bulan bagi mendapatkan imej bulan yang lebih baik dan menarik. Menurut penulis juga, selain menggunakan teleskop yang baik dan kemahiran yang ada pada pencerap, keadaan kenampakan tempatan juga penting dalam mencerap bulan bagi mendapatkan imej bulan yang baik⁵⁸.

Pengkaji juga merujuk ayat-ayat al-Quran berkaitan dengan sejarah takwim bagi mengukuhkan dapatan dalam kajian. Oleh itu, pengkaji telah merujuk beberapa kitab tafsir. Antaranya ialah kitab *Tafsīr al-Ṭabarī*, *Tafsīr Ibn Kathīr*, *Tafsīr al-Qurṭubī* dan *Tafsīr al-Suyūṭī*. Pengkaji mendapati bahawa tarikh awal dicatatkan berdasarkan peristiwa Nabi Adam a.s diturunkan ke dunia, kemudian diikuti dengan

⁵⁴ Michael Zeilik (2002), *Astronomy: The evolving Universe*, c.9. United Kingdom: Cambridge University Press.

⁵⁵ Peter T. Wlasuk (2000), *Observing the Moon*. United States: Springer.

⁵⁶ Michael Zeilik (2002), *op.cit.*, h. 13.

⁵⁷ *Ibid.*, h. 168.

⁵⁸ Peter T. Wlasuk (2000), *op.cit.*, h. 109.

pengutusan nabi-nabi⁵⁹. Selain itu, peristiwa besar turut dijadikan rujukan dalam penentuan tarikh seperti keengganan kaum Nabi Nuh a.s terhadap ajaran baginda menyebabkan mereka telah ditenggelamkan dalam peristiwa banjir besar⁶⁰, menurut satu riwayat Nabi Nuh a.s diutuskan ketika berumur 40 tahun dan baginda bersama kaumnya selama 950 tahun⁶¹. Selain itu, pengkaji juga mendapati bahawa terdapat perkaitan antara tahun Syamsiah dengan tahun Qamariyah sepertimana yang dijelaskan dalam surah al-Kahfi ayat 25⁶².

Pengkaji dapat merumuskan bahawa terdapat percanggahan pendapat dalam kitab-kitab sirah dahulu dan kini berhubung penetapan tarikh- tarikh dalam sirah Nabi Muhammad SAW. Justeru kajian yang lebih lanjut perlu dilakukan bagi mengenalpasti hujah yang kuat dan boleh diterimapakai. Oleh itu, pengkaji akan menggunakan segala maklumat dan data yang diperolehi dalam sorotan literatur ini dalam analisis dapatan yang akan dilakukan.

1.8 Metodologi Kajian

Metodologi kajian yang terancang penting bagi memastikan objektif yang telah digariskan dalam sesuatu kajian tercapai. Justeru itu, pengkaji menggunakan beberapa kaedah kajian untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan. Metodologi yang digunakan bagi menjayakan kajian ini ialah:

⁵⁹ Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān bin Abī Bakr al-Suyūṭī (1990), *Al-Durr al-Manthūr fī al-Tafsīr al-Ma’thūr*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 122-123

⁶⁰ Abī Ja‘far Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī (1997), *Tafsīr al-Ṭabarī Jāmi‘ al-Bayān ‘an Ta’wīl Āyī al-Qur‘ān*. Ibrāhīm Muḥammad al-‘Alī (ed.), j.6. Damsyik: Dār al-Qalam, h.67

⁶¹ Abī al-Fida’ Ismā‘īl bin ‘Umar bin Kathīr al-Qurashī al-Dimashqī (2004), *Tafsīr al-Quran al-‘Azīm*. ‘Abd al-Qādir al-Arnā’wut (ed.), j.3, c.7. Riyadh: Dār al-Salam, h. 2146

⁶² Abī ‘Abd Allah Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣarī al-Qurṭubī (1967), *al-Jami‘ li ahkām al-Quran*, j. 10. Kaherah: Dār al-Katib al-‘Arabi littiba‘ah wa al-Nashr, h. 387.

1.8.1 Metode Pengumpulan Data

a) Kajian Perpustakaan

Kajian ini membantu pengkaji mendapatkan maklumat dan data yang merangkumi sumber-sumber berbentuk primer dan sekunder. Pengkaji membuat rujukan utama berdasarkan sumber primer daripada kitab-kitab *turāth* berkaitan sirah Nabi Muhammad SAW dan kitab-kitab tafsir yang muktabar. Pengkaji juga merujuk sumber sekunder daripada buku-buku astronomi dan falak yang berkaitan dengan pengiraan takwim, di samping itu, jurnal, disertasi dan tesis, latihan ilmiah, kertas kerja persidangan, artikel dan laman web yang berkaitan tajuk kajian turut dijadikan sebagai bahan rujukan. Bagi mencapai matlamat kajian, antara perpustakaan yang dikunjungi pengkaji ialah:

- 1) Perpustakaan Utama Universiti Malaya
- 2) Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
- 3) Perpustakaan Jabatan al-Quran dan Hadis, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- 4) Perpustakaan Jabatan Mufti Negeri Selangor
- 5) Perpustakaan Pusat Islam, JAKIM
- 6) Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- 7) Perpustakaan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia
- 8) Perpustakaan Negara Kuala Lumpur
- 9) Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia

b) Metode Temubual

Metode ini bertujuan mendapatkan maklumat secara langsung daripada informan. Metode ini penting kerana pengkaji akan memperoleh data dan maklumat yang terkini yang belum diketahui serta bagi tujuan untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat. Bagi mendapatkan maklumat yang lebih lanjut berkaitan tajuk kajian, pengkaji akan menemubual beberapa orang tokoh yang terlibat dalam bidang falak di Malaysia iaitu:

- i. Dr Azhari Mohamed (Pegawai Geodesi, bahagian pemetaan, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia)
- ii. Dr (H) Kassim Bahali (Ketua bahagian Falak Jabatan Mufti Melaka)

1.8.2 Metode Analisis Data

a) Metode Historis

Pengkaji mengkaji sirah Nabi Muhammad SAW berdasarkan kitab-kitab *turāth* bagi mendapatkan kronologi tarikh peristiwa penting yang ingin dikaji dengan lebih tepat dan terperinci. Seterusnya, pengkaji menganalisa percanggahan pendapat antara ulama berhubung tarikh-tarikh penting yang telah dipilih dalam kajian ini.

b) Metode Induktif

Metode induktif merupakan kaedah untuk menarik kesimpulan dari beberapa data yang dianalisis yang bersifat khusus untuk mencari kesimpulan yang bersifat umum.

Pengkaji mengaplikasikan metode ini untuk menjelaskan sesuatu perkara dengan gambaran yang menyeluruh dengan menganalisis dalil-dalil yang berkaitan takwim Qamariyah untuk dijadikan panduan asas dalam pengiraan tarikh-tarikh peristiwa penting dalam sirah Nabi Muhammad SAW.

c) Metode Deduktif

Metode deduktif merupakan satu cara membuat kesimpulan dari bukti yang bersifat umum untuk mencari kesimpulan yang bersifat khusus. Pengkaji menggunakan metode ini dalam menganalisis data yang diperolehi dalam menghuraikan konsep dan kriteria takwim serta data dapatan tarikh-tarikh penting dalam sirah Nabi Muhammad SAW.

d) Metode Komparatif

Metode komparatif merupakan kaedah untuk membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap segala data dan fakta yang diperolehi semasa membuat penyelidikan. Dalam kajian ini, pengkaji melakukan perbandingan antara pendapat-pendapat ulama terdahulu dengan perisian falak terkini. Perbandingan dilakukan berdasarkan catatan tarikh-tarikh peristiwa penting dalam sirah Nabi Muhammad SAW yang telah dipilih dalam kajian ini.